

## Pembohong Yang Mendakwa Mempertahankan Islam

“Dan janganlah kamu mencampuradukkan kebenaran dengan kebatilan, dan kamu sembunyikan kebenaran sedangkan kamu mengetahuinya” ( Maksud Al-Quran : 42 )

### HURAIAN

Al-Quran sentiasa dalam jaminan Allah swt. Allah akan mewujudkan para ulama yang memeliharanya selagi dunia ini belum kiamat. Bukan sahaja Al-Quran dipelihara tetapi tafsirannya juga dipelihara oleh Allah meskipun ada orang yang mahu menyelewengkan tafsirannya dan dibunuh ulama yang memeliharanya.

Pada zaman kerajaan Abbasiyyah ketika pengaruh mazhab muktazilah mula berkembang dan dianut oleh Kerajaan Abbasiyyah, mereka mendakwa Al-Quran adalah makhluk. Para ulama mempertahankan bahawa Al-Quran itu adalah kalimah Allah yang qadim, meskipun ramai dikalangan mereka ditangkap dan dibunuh.

Imam Ahmad b Hambal - anak murid Imam As-Syafie - dibelasah badannya sehingga darah mengalir sampai ke betisnya. Meskipun murid-muridnya meminta supaya Imam Ahmad berdalih untuk membebaskan dirinya, namun beliau enggan berdusta dalam menafsirkan Al-Quran. Beliau tetap mengatakan bahawa Al-Quran adalah kalamullah yang qadim. Beliau mengatakan apabila orang alim mendiamkan diri kerana mahu menyelamatkan dirinya, sedangkan orang awam dalam keadaan jahil, maka bilakah kebenaran dapat direalisasikan.

Zaman mutakhir ini, apabila orang Islam dilanda pelbagai ideologi yang menyesatkan termasuk sosialisme, komunisme, kapitalisme, liberalisme dan seumpamanya, ada ulama terus menerus menyanggah fahaman tersebut dan mempertahankan Islam dari ancaman semua ideologi tersebut.

Umpamanya Asy-Syahid Sayyid Qutb telah mengarang tafsir '*Fii Zilalil Quran*' ( di bawah bayangan Al-Quran ) menafsirkan Al-Quran untuk menghurai cabaran baru yang dialami oleh umat Islam.

Hasil desakan daripada musuh-musuh Islam, Sayyid Qutb telah dibicarakan dengan tuduhan fitnah kononnya beliau merancang untuk menjatuhkan kerajaan Mesir sehingga beliau dijatuhkan hukuman gantung sampai mati.

Apabila beliau dibawa ke tali gantung beliau tersenyum dan apabila beliau dinasihati oleh seorang alim yang ditugaskan supaya memintanya mengucapkan kalimah syahadah, Sayyid Qutb mengatakan :

**"Tahukah saudara bahawa saya ke tali gantung kerana bukan saya mengucapkan *La ilaha illallah* tetapi saya mahu mempertahankan dan meninggikan kalimah *La ilaha illallah*"**

Almarhum Abul A'ala Al Maududi yang menafsirkan Al-Quran melalui kitabnya '*Tarjamanul Quran*' ( Terjemahan Al-Quran ) juga digantung sampai mati hasil desakan musuh-musuh Islam atas tuduhan menafsirkan Al-Quran.

Ini adalah pendirian para ulama yang menunjukkan bahawa Al-Quran dipelihara oleh Allah swt. Justeru orang Islam tidak boleh berputus asa dari mempertahankan Al-Quran dan Islam itu sendiri.

**Orang Islam mesti memahami siapakah sebenarnya yang mempertahankan Islam dan siapakah pula yang bohong atau menjadi penipu dalam mempertahankan Islam.**